

Jemaah terperangkap dalam masjid

Terpaksa tunggu tiga jam selepas kawasan taman perumahan bandar Jerantut, Sungai Jan ditenggelami air

■ NORFARHIZA MOHD ATAR

JERANTUT - Kira-kira 100 rumah dan premis di kawasan taman perumahan bandar Jerantut dan Sungai Jan ditenggelami air sedalam satu meter selepas hujan lebat yang berterusan selama empat jam, semalam.

Hujan lebat yang bermula jam 7.45 malam itu menyebabkan beberapa kediaman di Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Mat Kilau, Kampung Mat Kilau 2, Taman Wira, Sungai Jan, Batu Satu dan hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad ditenggelami air.

Jalan raya yang turut ditenggelami air sedalam satu meter iaitu di Jalan Jerantut ke Benta berdekatan Kampung Sungai Par berikutan air Sungai Par melimpah ke atas jalan dan jalan kampung dari Simpang

Tebing Tinggi ke Kampung Jeransong juga terputus.

Kejadian itu menyebabkan seramai 30 jemaah yang selesai menunaikan solat Isyak di Masjid Jamek Tengku Ahmad terpaksa menunggu hampir tiga jam untuk keluar sebelum air surut di perkarangan kawasan masjid berkenaan.

Senario itu menyebabkan gangguan lalu lintas kenderaan dari arah Benta ke Bandar Lama Jerantut, Perumahan Lembaga Kemajuan Negeri Pahang (LKNP) dan perkampungan Mat Kilau berikutan air memenuhi laluan di hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad.

Banjir kilat yang tidak pernah berlaku seteruk itu dipercayai berpunca daripada sistem perparitan yang menghala ke Sungai Betong di tengah bandar Jerantut terlalu kecil, tidak sempurna



Pemandangan di hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad berdekatan laluan Benta ke Bandar Lama ditenggelami air sedalam satu meter.

dan kerap tersumbat dengan sampah.

Penduduk bandar Jerantut, Ramli Abdullah, 56, berkata,

kejadian banjir kilat kerap berlaku sejak kebelakangan ini di kawasan taman perumahan di bandar Jerantut yang terletak

berdekatan dengan Sungai Betong termasuk kawasan projek perumahan.

"Sistem perparitan yang

tidak sempurna, misalnya di hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad menyebabkan banjir kilat kerap berlaku sehingga air memenuhi jalan raya dan menimbulkan kesesakan lalu lintas.

"Kejadian malam tadi (semalam) amat teruk sebab kawasan perumahan yang tak pernah tenggelam pun kena kalau hujan lebat lebih sejam," katanya di sini, semalam.

Rakannya, Ali Sudin, 62, berkata, kejadian itu menyebabkan penduduk kawasan perumahan tersebut mulai bimbang apabila hujan lebat kerana banjir kilat itu mengundang kerosakan harta benda.

"Majlis Daerah Jerantut dan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) khususnya perlu naik taraf sistem pembetung termasuk buat pemantauan sepenuhnya," katanya.